

10 hektar ladang lada di UPM Bintulu

USAHA Universiti Putra Malaysia (UPM) memperkasa sektor pertanian di negara ini melalui pelbagai kajian dan penyelidikan di negara ini ternyata banyak memberi manfaat kepada rakyat.

Terbaharu, UPM telah bekerjasama dengan Lembaga Lada Malaysia (MPB) dan kerajaan negeri Sarawak menerusi Projek Penyelidikan Lada Sarawak dan Pembangunan Ladang Penyelidikan dan Komuniti atau lebih dikenali sebagai Sarawak Pepper Farm @UPM Bintulu.

Naib Canselor UPM, Prof. Datin Paduka Dr. Aini Ideris berkata, projek itu melibatkan pembangunan ladang lada seluas lebih 10 hektar di kampus UPM di Bintulu yang bakal dilaksanakan secara berfasa tahun depan.



AINI

Katanya, terdapat tiga elemen utama program tersebut iaitu pengeluaran komersial, penyelidikan dan ladang komuniti.

“Program pengeluaran komersial bertujuan memperkenalkan amalan penanaman baik dan mampan dalam industri lada sekali gus menarik minat pelabur.

“Program penyelidikan pula memberi fokus terhadap empat bidang utama yang telah dikenal pasti iaitu penanaman lada, perlindungan lada, teknologi hiliran dan dimensi kemanusiaan.

“Akhir sekali, program ladang komuniti iaitu kita membuka ladang untuk masyarakat setempat yang berminat menjadikan penanam lada sebagai sumber pendapatan,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap selepas

perasmian projek itu yang disempurnakan oleh Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Idris Jusoh di Hotel Grand Margherita, Kuching, Sarawak baru-baru ini. Hadir sama, Menteri Muda Pendidikan dan Penyelidikan Teknologi Sarawak, Dr. Annuar Rapa'ee.

Pada majlis itu juga turut diadakan majlis menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara UPM dan MPB yang diwakili Ketua Pengarahnya, Dr. Harry Entebang.

Tambah Aini, kerjasama ini secara tidak langsung mampu membantu menyuburkan industri berkenaan dalam jangka panjang.

“Matlamat utama kita ialah mahu meningkatkan pengeluaran lada tempatan menerusi penglibatan syarikat swasta seperti tanaman kontan lain di samping memperluaskan tanamannya di seluruh negara,” ujarnya.